

30 AUG 2001

Sukan SEA-Larian

15,000 DIJANGKA SERTAI LARIAN PERDANA

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Pendaftaran untuk menyertai Larian Perdana pada 7 Sept ini boleh dibuat mulai sekarang sehingga pukul 3 petang hari larian itu.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan Datuk Ong Tee Keat berkata Kementerian menjangkakan tidak kurang daripada 15,000 orang akan menyertai larian itu yang juga kemuncak Larian Obor Sukan SEA yang akan dirasmikan pada 8 Sep.

Beliau menggesa semua pertubuhan sukan peringkat negeri dan daerah supaya menggerakkan anggota masing-masing menyertai larian yang bersejarah itu.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menerima obor daripada Datuk Bandar Tan Sri Kamaruzzaman Shariff selaku pelari terakhir dan seterusnya menyalakan obor Sukan SEA di Dataran Merdeka sebagai tanda sukan dwi-tahunan itu bermula dengan rasmi," katanya pada persidangan media di pejabatnya di sini hari ini.

Larian akan bermula pada pukul 4.30 petang dari Padang Merbok dan obor dijadualkan diserahkan kepada Perdana Menteri pada pukul 5 petang di Padang Merdeka. Obor akan dinyalakan di Padang Merdeka sebelum dibawa ke Bukit Jalil keesokan harinya.

Terdahulu Ong menyerahkan bendera Sukan SEA kepada 55 wakil pertubuhan sukan dan beberapa pertubuhan NGO.

Mengenai larian obor, Ong berkata obor berkenaan telah dibawa menjelajah ke 1,215 buah bandar dan pekan di seluruh negara dengan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai lokasi pertama dan Dataran Merdeka destinasi terakhir 7 Sept ini.

Katanya larian itu juga telah menyaksikan penyertaan 1.1 juta orang dengan jarak larian sejauh 11,451 km.

"Larian kali ini membuktikan semangat patriotisme serta kesukanan yang cukup tinggi di kalangan masyarakat negara ini," katanya sambil menegaskan penjelajahan jauh itu berjaya mencungkil pelbagai budaya tradisi rakyat setempat.

--BERNAMA

BZ ZS RON